



Headline	Terengganu rentap ego TNB		
MediaTitle	Berita Harian Online(www.bharian.com.my)		
Date	22 Mar 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	300
Page No	2	Readership	8
Language	Malay	ArticleSize	0 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,100
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,300

Terengganu rentap ego TNB

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z8431663488&z=1600249473](http://c.moreover.com/click/here.pl?z8431663488&z=1600249473)

Fitri Shaari (depan) dihalang pemain TNB dalam perlawanan MHL di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, petang semalam. Kuala Lumpur: Pasukan gergasi, Tenaga Nasional Berhad (TNB) sekadar seri 4-4 dengan pendaftar baru Terengganu pada aksi sulung Liga Hoki Malaysia (MHL) di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, petang semalam. "Kami melakukan banyak kesilapan di bahagian pertahanan dan memberikan lawan (Terengganu) menjaringkan gol. Ketika kami menyerang, kami membuka ruang di bahagian pertahanan dan membolehkan lawan menjaringkan gol. "Ia menjadi kebimbangan saya ketika ini dan kami perlu mengatasinya segera," kata jurulatih TNB, Nor Azlan Bakar sejurus tamat perlawanan. TNB bagaimanapun terlebih dulu berada di depan hasil kesilapan pemain pertahanan lawan, Mohd Shahrul Nabil yang tertampar bola masuk ke gawang sendiri pada minit ke-13 sebelum Faisal Saari meledak gol kedua hasil pukulan sudut penalti 10 minit kemudian. Sapura, Nur Insafi sama liat Tersentak dengan dua gol TNB itu, Terengganu kembali bangkit apabila Sufi Ismat M Rohul Amin merapatkan jurang gol pada minit ke-30 sebelum tonggak kebangsaan, Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Jalil menyamakan kedudukan pada minit ke-40. Berselang seminit kemudian, giliran Terengganu mendahului perlawanan apabila Fitri Saari menyumbat gol ketiga, tetapi Faisal kembali menyamakan kedudukan pada minit ke-45. Tatkala Terengganu dilihat bakal meraih mata penuh selepas Sobirin Ilias menjaringkan gol kedua peribadinya pada minit ke-65, Muhammad Ramadhan Rosli menyelamatkan maruah TNB apabila menyumbat gol penyamaan dua minit kemudian. Sementara itu, dalam satu lagi perlawanan Liga Premier, Sapura dengan Nur Insafi Warriors berkesudahan seri 1-1 manakala saingan Liga Divisyen Satu menyaksikan Uniten KPT menewaskan Sunday 2030 3-1, MBI tewas 2-4 di tangan UiTM dan TNB Thunderbolts membelasah SSTMI 6-0. Keputusan Liga Premier TNB... 4 Terengganu... 4 Sapura... 1 Nur Insafi Warriors... 1 KLHC... UniKL... Jadual Hari Ini: Liga Premier Maybank mIn Terengganu (Std Hoki Nasional Bukit Jalil, 6 ptg) Esok Nur Insafi mIn UniKL (Std Hoki USM Pulau Pinang, 6 ptg) Sapura mIn Maybank (Std Hoki Nasional 2 Bukit Jalil, 6 ptg) Perlawanan Sumbangsih TNB mIn KLHC (Std Hoki Nasional Bukit Jalil, 8 mIn)